

**Ucapan Perasmian**  
**Persidangan Pengurus Sumber Manusia**  
**Kementerian / Jabatan / Agensi / Negeri**  
**dengan**  
**Ketua Perkhidmatan Perakaunan**  
**Jabatan Akauntan Negara Malaysia**

**Oleh**

**Y. Bhg Dato' Mohd Salleh Bin Mahmud**  
**Akauntan Negara Malaysia**

---

Y. Bhg Dato' Jamaluddin Bin Abu Samah  
Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

Y. Berusaha En Abd. Wahid Bin Ahmad  
Pegawai Kewangan Persekutuan  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak

Dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam  
sejahtera.

Pertamanya saya ingin memanjatkan syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul di dewan yang serba indah ini sempena Majlis Perasmian Persidangan Pengurus Sumber Manusia bagi kali yang kedua.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai-pegawai Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang telah berusaha dengan dedikasi bagi menganjurkan persidangan ini buat kali yang kedua. Persidangan kali pertama telah diadakan pada tahun 2004.

Terima kasih juga saya tujukan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang telah meluangkan masa untuk sama-sama menjayakan program ini.

Para hadirin sekalian,

Pada masa ini, jumlah keseluruhan jawatan perkhidmatan perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia adalah 6,050 jawatan dan sebahagian daripada jumlah berkenaan terdapat di luar daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Jumlah ini kian meningkat dari tahun ke tahun memandangkan organisasi Kementerian / Jabatan / Negeri semakin berkembang dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, anggota perkhidmatan perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah ditempatkan di pelbagai Kementerian / Jabatan / Negeri bagi membantu menguruskan hal ehwal kewangan dan perakaunan kementerian / Jabatan / Negeri berkenaan dengan teratur dan cekap berikutan perkembangan organisasi yang kian pesat sejak kebelakangan ini.

Justeru, tuan-tuan dan puan-puan sekalian selaku Pengurus Sumber Manusia (PSM) di pelbagai agensi juga bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan perkhidmatan dan kebajikan semua pegawai perkhidmatan perakaunan yang terdiri daripada Akauntan, Penolong Akauntan, Pembantu Akauntan dan Operator Mesin Pemprosesan Data (OMPD) telah ditempatkan di agensi tuan-tuan dan puan-puan. Pelbagai perubahan akan terus berlaku dan dalam senario ini, tuan-tuan dan puan-puan perlulah sentiasa peka akan perubahan-perubahan yang berlaku dengan begitu pantas dan menangani segala perubahan tersebut dengan efektif dan efisien.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia pula bertanggungjawab dalam merancang, membangun dan mengurus hal ehwal sumber manusia (khususnya anggota perkhidmatan perakaunan) dengan cemerlang berteraskan integriti, profesionalisme dan teknologi terkini. Tanggungjawab ini memerlukan PSM Jabatan Akauntan Negara Malaysia melaksanakan tugas mereka dengan cekap demi memenuhi kehendak pengurusan JANM. Mereka bukan sahaja menguruskan hal-hal perkhidmatan dan perjawatan di JANM, bahkan perlu memberi perkhidmatan dan khidmat nasihat serta rundingan kepada anggota perakaunan di luar JANM. Sungguhpun terdapat peraturan dan panduan am dari agensi pusat iaitu JPA dan SPA yang perlu dipatuhi, tetapi masih kelihatan beberapa percanggahan atau kekeliruan yang timbul antara kehendak agensi dan

pengurusan JANM yang melibatkan hal-hal perkhidmatan / perjawatan. Kelemahan-kelemahan ini perlu diperbaiki / diatasi dari semasa ke semasa demi kepentingan semua pihak yang terlibat.

Justeru, bagi mewujudkan satu pengurusan sumber manusia yang mantap, ianya memerlukan satu rangkaian usaha yang berterusan antara Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan pelanggan-pelanggannya. Kejayaan ini sangat bergantung kepada kerjasama dan sumbangan dari semua pihak yang terlibat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sepertimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Akauntan Negara Malaysia merupakan Ketua Perkhidmatan Perakaunan kepada semua Akauntan, Penolong Akauntan, Pembantu Akauntan dan Operator Mesin Pemprosesan Data yang berada di bawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Oleh yang demikian, perkhidmatan perakaunan yang disediakan oleh jabatan ini adalah perkhidmatan gunasama yang akan ditugaskan atau ditempatkan di mana-mana agensi sektor awam secara *kader* atau pinjaman. Selaku Ketua Perkhidmatan, saya berharap agar anggota-anggota perakaunan yang ditempatkan di Kementerian/ Jabatan /negeri tuan-tuan dan puan-puan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik sejajar dengan *tagline* JANM iaitu *Excellent Accounting @ Your Service*.

Justeru, saya memohon agar perjumpaan ini dapat membincangkan segala permasalahan yang dihadapi oleh pihak tuan-tuan dan puan-puan agar Jabatan ini dapat membuat penambahbaikan serta menjadikannya sebagai panduan di masa hadapan.

Jabatan ini amat berbangga sekiranya anggota perakaunan yang ditempatkan di Kementerian / Jabatan / Negeri tuan-tuan dan puan-puan dapat memberikan sumbangan yang cemerlang seperti yang diharapkan. Sebaliknya, kami turut merasa kecewa sekiranya anggota kami tidak dapat memenuhi kehendak pengurusan di jabatan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Jabatan ini juga mengakui bahawa kadangkala tidak dapat memenuhi kehendak tuan-tuan dan puan-puan bagi mengisi kekosongan dengan segera atau

sepenuhnya berikutan halangan-halangan yang tidak dapat dielakkan. Begitu juga apabila tuan-tuan dan puan-puan memohon untuk mendapatkan perkhidmatan anggota yang berpengalaman dan berkemahiran tinggi. Permintaan ini tidak dapat dipenuhi sepenuhnya memandangkan kehendak dan kemampuan anggota perakaunan ini juga berbeza-beza. Kadangkala mereka menghadapi masalah keluarga jika ditempatkan mengikut kehendak pengurusan dan ada di antara mereka masih baru dalam bidang ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) dan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) sebagai syarat untuk pertimbangan anjakan gaji dan kenaikan pangkat, maka

amat perlu anggota perakaunan ini diberi pendedahan yang luas, dalam semua aspek kewangan dan perakaunan. Salah satu kaedah untuk memberi pengalaman itu adalah melalui pertukaran. Oleh yang demikian, pertukaran anggota-anggota ini akan berlaku dari masa ke masa. Pertukaran ini juga sejajar dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2004 agar penjawat-penjawat awam yang ditugaskan di tempat yang berisiko / sensitif ditukarkan antara 3 hingga 5 tahun sekali bagi mengelakkan unsur-unsur negatif berlaku.

Pertukaran juga dapat membantu memperkaya dan memperluas tugas kepada pegawai-pegawai bagi meningkatkan produktiviti individu dan organisasi di mana mereka bertugas.

Di samping itu, ianya dapat memperluaskan lagi 'networking' atau rangkaian para pegawai bagi membantu dan memudahkan pelaksanaan tugas masing-masing.

Sehubungan itu, Kementerian / Jabatan / Negeri dipohon untuk memberikan kerjasama agar pertukaran anggota-anggota kami tidak ditahan / dibatalkan demi kebaikan anggota perakaunan itu sendiri. Jabatan ini juga akan meningkatkan lagi usaha agar permintaan dari Kementerian / Jabatan / Negeri tuan-tuan dan puan-puan dapat dipenuhi dengan kadar yang segera.

Kami sentiasa mengingatkan semua anggota perakaunan yang ditempatkan di Kementerian / Jabatan / Negeri tuan-tuan dan puan-puan sebagai duta / mewakili Akauntan

Negara Malaysia dan akan menjadi tempat rujukan dalam hal-hal berkaitan dengan kewangan dan perakaunan. Atas kesedaran ini, Jabatan Akauntan Negara Malaysia melalui Institut Perakaunan Negara (IPN) telah menganjurkan kursus-kursus kewangan dan perakaunan bagi memberi latihan dan pengetahuan kepada anggota-anggota perakaunan kami. Oleh itu, diharap Kementerian / Jabatan / Negeri tuan-tuan dan puan-puan dapat menghantar anggota perakaunan masing-masing mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh IPN bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran mereka. Bahkan jabatan ini juga mengalu-alukan pegawai-pegawai lain yang ingin mendapatkan latihan khususnya dalam bidang perakaunan mengikuti kursus-kursus di IPN.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Jabatan ini juga ada mendapat aduan mengenai anggota perakaunan yang tidak berdisiplin dan meminta pegawai ini ditukarkan ke jabatan lain. Dalam hal ini, saya ingin mendapat kerjasama tuan-tuan dan puan-puan untuk mengambil tindakan tatatertib yang sesuai ke atas anggota perakaunan yang telah melanggar peraturan atau tidak berdisiplin. Menukar mereka ke jabatan lain bukanlah jalan penyelesaian yang baik, malah kita hanya melepaskan tanggungjawab tersebut kepada jabatan baru. Jabatan ini akan sentiasa menyokong tindakan tuan-tuan dan puan-puan asalkan dilaksanakan mengikut landasan yang betul agar anggota kami dapat memberikan perkhidmatan perakaunan yang berkualiti di Kementerian / Jabatan / Negeri tuan-tuan dan puan-puan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah banyak membantu menguruskan hal-hal perkhidmatan anggota perakaunan yang bertugas di Kementerian / Jabatan / Negeri tuan-tuan dan puan-puan. Saya berharap kerjasama dan sokongan begini akan berterusan demi kebaikan bersama. Saya percaya melalui jalinan dan perkongsian maklumat yang telus, kita akan dapat menikmati faedah dan ganjarannya bersama.

Sesungguhnya, saya percaya persidangan ini akan dapat mencapai matlamat seperti yang dikehendaki. Pengetahuan yang diperolehi melalui pembentangan kertas-kertas kerja dan perbincangan akan dapat memberi senario dan kefahaman yang lebih mendalam mengenai Jabatan ini agar

ianya dapat membantu tuan-tuan dan puan-puan melaksanakan tugas masing-masing dengan lebih berkesan lagi.

Akhir kalam, saya berharap perjumpaan ini akan dapat menjalinkan perhubungan yang akrab antara Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian / Jabatan / Negeri yang mengendalikan urusan perkhidmatan. Insya-Allah, semoga kita sentiasa mendapat petunjuk dan hidayah dari Allah S.W.T dalam mempertingkatkan ilmu kita supaya kita dapat bergerak mengikut lunas-lunas yang diharapkan.

Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya merasmikan  
Persidangan Pengurus Sumber Manusia Kementerian /  
Jabatan / Negeri bersama Ketua Perkhidmatan Perakaunan  
kali yang kedua.

Wabillahitaufiq      Walhidayah      Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.